

NAMA:

UNIT 25: Keajaiban Sains

• Tema 9: Terokai Sains Terajui Teknologi dan Inovasi

DSKP TATABAHASA

Buku Teks: m.s. 150

Lengkapkan petikan laporan dengan kata adjektif dan kata penguat yang betul. DSKP: SP5.1.5

Kata Adjektif dan Kata Penguat



Bijak Bahasa

- Contoh lain bagi kata adjektif ialah *indah, manis, panjang, kuat, laju*, dan sebagainya.
- Contoh lain bagi kata penguat ialah *agak, nian, sungguh, benar, sangat*, dan sebagainya.

istimewa	kreatif	hangat	sihat	padu
paling	sekali	bangga	amat	cemerlang

Laporan Minggu Sains Sekolah

Pada 14 hingga 19 Jun 2021, Panitia Sains Sekolah Kebangsaan (SK) Merbuk telah menganjurkan Minggu Sains. Program itu dirasmikan oleh Guru Besar SK Merbuk, iaitu Puan Khadijah binti Yusof. Majlis itu turut dihadiri oleh tetamu (1) [redacted] dari Pejabat Pendidikan Daerah Sepang.

Program itu diadakan untuk melahirkan murid yang (2) [redacted] dan inovatif serta memupuk minat murid terhadap mata pelajaran Sains.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan semasa program tersebut. Antaranya termasuklah Kuiz Bijak Sains, Pertandingan Bercerita Sains, Pertandingan Melukis Peta Minda, dan Pertandingan Mencipta Model Sains.

Setiap aktiviti yang dijalankan mendapat sambutan (3) [redacted] daripada murid-murid. Mereka bersaing secara (4) [redacted] dalam setiap pertandingan. Bagi murid yang tidak menyertai pertandingan pula, mereka memberikan sokongan (5) [redacted] kepada rakan-rakan yang menyertai pertandingan.

Dalam Pertandingan Kuiz Bijak Sains, Kumpulan Zuhail dari Kelas 6 Intelek telah berjaya menjadi johan. Kumpulan itu mendapat markah yang (6) [redacted] tinggi. Dalam Pertandingan Mencipta Model Sains pula, ciptaan kereta futuristik oleh Daniel bin Efendi dari Kelas 6 Usaha telah menggondol hadiah pertama.

Minggu Sains itu telah berlangsung dengan lancar (7) [redacted]. Guru Besar berasa (8) [redacted] kerana guru-guru dan murid-murid telah memberikan komitmen yang (9) [redacted] baik. Beliau berharap agar murid-murid mencapai keputusan yang (10) [redacted] bagi mata pelajaran Sains.

Laporan disediakan oleh,

28 JUN 2021.

LiYana

(NUR LIYANA BINTI SULAIMAN)

Praktis Digital
Rujuk Panduan Guru m.s. G101

Aktiviti PAK-21
Rujuk Panduan Guru m.s. G101